



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMPEN MYBAIKHATI BERI PELUANG INDUSTRI TELEKOMUNIKASI DAN RAKYAT MALAYSIA ERATKAN PERPADUAN MELALUI SUMBANGAN PERANTI TERPAKAI

Saya menyambut baik usaha Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bersama-sama pemain utama industri telekomunikasi untuk menggerakkan kempen **MYBAIKHATI**, iaitu satu inisiatif bagi mengumpul dan membaik pulih alat peranti komunikasi terpakai untuk keluarga berpendapatan rendah (B40) seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin melalui Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) petang semalam.

Kempen **MYBAIKHATI** merupakan antara fokus PEMERKASA bagi memperkukuh daya saing negara untuk mengurangkan jurang digital. Kempen yang menggunakan konsep *crowdsourcing* ini akan melibatkan pengumpulan sumbangan alat peranti terpakai daripada syarikat perniagaan dan individu melalui cawangan-cawangan terpilih enam (6) syarikat telekomunikasi iaitu Celcom Axiata Berhad, Digi Telecommunications Sdn. Bhd., Maxis Berhad, U Mobile Sdn. Bhd., Telekom Malaysia Berhad dan TIME dotCom Berhad. Kempen kutipan, baik pulih dan edaran alat peranti terpakai ini akan berlangsung selama 12 bulan, bermula di Lembah Klang sebagai lokasi tumpuan utama sebelum diperluaskan ke seluruh negara.

Sumbangan alat peranti terpakai daripada rakyat Malaysia dan syarikat yang prihatin akan dikumpulkan dan dibaik pulih dengan kos sehingga RM500 setiap unit oleh pihak syarikat telekomunikasi. Alat peranti yang berjaya dipulihkan akan disalurkan kepada penerima B40 yang layak di seluruh negara berdasarkan senarai yang disediakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) di bawah Kementerian Kewangan, manakala alat peranti yang tidak dapat berfungsi akan dilupuskan dan dikitar semula secara selamat melalui program e-Waste.

Kempen **MYBAIKHATI** direncanakan atas kesedaran bahawa setiap keluarga memerlukan alat peranti pintar agar tidak ketinggalan dalam meneruskan kelangsungan hidup untuk belajar, bekerja dan berurusan setiap hari dalam suasana norma baharu. Konsep *crowdsourcing* alat peranti terpakai ini membawa rakyat serta sektor korporat untuk bersama-sama membantu warga senegara yang kurang berkemampuan ketika menghadapi situasi sukar.

Oleh itu, saya bagi pihak kerajaan menyokong penuh usaha ini dan menyeru orang ramai serta syarikat perniagaan untuk menjayakannya dengan mendermakan alat peranti terpakai yang boleh dibaik pulih dan digunakan semula.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
18 MAC 2021